

18 APR 1996

KIT SIANG MAHU RM-7 DIEDAR AWAL KEPADA MP

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Ketua Pembangkang, Encik Lim Kit Siang hari ini menggesa kerajaan supaya memberikan anggota Parlimen (MP) sekurang-kurangnya dua minggu bagi meneliti Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat pada 6 Mei.

Menurutnya, anggota-anggota Parlimen belum lagi diberikan salinan rancangan itu supaya mereka mempunyai masa untuk mengkaji dan menyediakan bahan perbahasan.

"Rancangan Malaysia Ketujuh sudah pasti lebih penting daripada rang undang-undang biasa dan ia seharusnya diedarkan kepada MP dua minggu sebelum dibahas, bermakna paling lewat Isnin depan, katanya dalam satu kenyataan.

"Saya berharap Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dapat memastikan semua MP diberi masa sekurang-kurangnya dua minggu untuk mengkaji rancangan itu sebelum dibentangkan pada 6 Mei," kata Lim.

Menurutnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengeluarkan arahan kepada Kabinet supaya setiap rang undang-undang diedar kepada MP dua minggu sebelum dibentang di Parlimen.

Arahan itu dibuat selepas sidang khas parlimen pada 8 Jan terpaksa ditangguh tanpa perbahasan kerana Rang Undang-undang Majlis Pendidikan Tinggi Kebangsaan dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta tidak diedarkan kepada semua anggota Parlimen.--BERNAMA

ARA OBA.